KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	21/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	TNB			

TNB peroleh 49% kepentingan BODL

UM 21 Okt 2021_34

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
utusanekonomi@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB), Vantage RE Ltd. (Vantage RE) telah menandatangani Perjanjian Pembelian Saham (SPA) untuk memperoleh 49 peratus pegangan dalam syarikat ladang angin luar pesisir, Blyth Offshore Demonstrator Limited (BODL) daripada EDF Renewables (EDFR), sebuah subsidiari syarikat utiliti Perancis, Électricité de France (EDF).

Vantage RE dilancarkan pada 1 Julai 2021 untuk memiliki, mengendalikan dan mengurus portfolio aset RE TNB di Eropah.

Pemerolehan ini menandakan penyertaan sulung TNB dalam pasaran ladang angin luar pesisir berikutan pemilikan aset angin BODL di perairan Blyth, Northumberland, England yang merangkumi lima turbin angin dengan kapasiti penjanaan sebanyak 41.5MW (Blyth 1) dan hak pembangunan lanjut projek turbin angin terapung (Blyth 2) sehingga 58.4MW yang terletak berhampiran pantai Northumberland.

Setiap satu daripada lima turbin 8.3MW Blyth 1 didirikan di atas struktur asas yang berasaskan graviti, yang menggunakan beban konkrit bagi menetapkan kedudukan turbin tanpa menembusi dasar laut.



BAHARIN DIN

Ladang angin itu telah beroperasi sejak 2017 di bawah rejim subsidi *Renewable Obligation Certificates* (ROC) yang dijangka dapat memberi pulangan yang stabil.

Dalam pada itu, Blyth 2 adalah projek turbin angin luar pesisir terapung inovatif yang kini berada dalam peringkat awal pembangunan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, pemerolehan itu adalah satu daripada perancangan pemerolehan strategik oleh TNB untuk memesatkan usaha mencapai visi berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

"Baru-baru ini kami telah mengumumkan Hala Tuju Kelestarian kami, satu rangka tindakan dengan aspirasi untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Hala tuju ini dipacu menerusi komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan TNB sebanyak 35 peratus serta pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035.

"TNB dan EDFR berkongsi aspirasi untuk terus memacu pembangunan lestari bagi pihak berkepentingan dengan menyalurkan bekalan tenaga yang berdaya harap dan mampu milik, melakukan inovasi dan peralihan tenaga serta menyediakan generasi masa depan dengan keupayaan untuk hidup dalam suasana ekonomi, alam sekitar dan sosial yang sebaik mungkin," katanya dalam kenyataan, semalam.

Jelas Baharin, TNB menyasarkan untuk menambah kapasiti penjanaan RE kepada 8,300MW menjelang 2025.

"Kami yakin kerjasama ini memberi kelebihan kepada kami dalam industri yang semakin kompetitif berikutan usaha kami untuk meningkatkan portfolio penjanaan RE global dan mengukuhkan kedudukan kami dalam landskap tenaga masa hadapan.

"Kerjasama ini juga membolehkan kumpulan untuk memanfaatkan pengalaman luas EDFR dalam sektor ladang angin luar pesisir di seluruh fokus pasaran TNB, terutamanya di UK, Eropah dan Asia Tenggara malah memberi laluan yang kukuh buat TNB untuk mempercepatkan cita-citanya menjadi pembekal terunggul solusi tenaga mampan," ujarnya.

Sementara itu, Naib Presiden Eksekutif Kanan Kumpulan EDF (Tenaga Boleh Baharu) merangkap Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif EDFR, Bruno Bensasson berkata, sebagai peneraju antarabangsa tenaga rendah karbon, EDF komited untuk menyumbang kepada evolusi teknologi dan persaingan dalam sektor itu.

"TNB dan EDF berkongsi matlamat yang sama untuk menyumbang ke arah masyarakat rendah karbon. Justeru, melalui kerjasama ini, kami membuyangkan kerjasama lanjut untuk penjanaan elektrik rendah karbon di benua Eropah seperti yang dipamerkan menerusi Blyth dan di Asia," jelasnya.